

## Kelantan ucap terima kasih

BH 31/10/03

KOTA BHARU: Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan semalam meluluskan usul tergepar merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sikap keterbukaan beliau kepada Kerajaan Pas Kelantan.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, ketika mengulung perbahasan Bajet 2004, berkata walaupun dasar kerajaan negeri berbeza dengan Kerajaan Pusat, pihaknya tetap berterima kasih kepada Dr Mahathir.

"Maka dengan ini saya mencadangkan merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir yang banyak memberi kerjasama kepada Kelantan dan negara amnya dan begitu juga kepada Perdana Menteri seterusnya.

"Insya-Allah pengganti Dr Mahathir lepas ni dapat bantu rakyat Kelantan," katanya pada Persidangan Kali Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Keempat DUN Ke-10, di Kota Darulnaim, di sini, semalam.